

Bakar kerang bantah kes kecurian benih kerang

SH 6/1/2001 ms: 19

PUTRAJAYA - Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos bersama dua nelayan tempatan bertindak membakar kerang di hadapan bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia bagi menyatakan bantahan berhubung kes kecurian benih kerang yang berlaku di Sekincin.

Menurutnya, kecurian benih kerang itu berlaku sejak tiga minggu lalu di Pantai Redang dipercayai dilakukan oleh nelayan Thailand dengan menggunakan sampan jenis rotor atau enjin biawak.

"Lebih kurang 100 bot rotor secara berkumpulan mencuri benih-benih kerang di tapak semula jadi secara haram dan telah merosakkan ekosistem," katanya selepas menghantar memorandum kepada jabatan itu di sini pada Selasa.

Beliau berkata, pihak nelayan telah membuat aduan kepada Jabatan Perikanan Malaysia.

"Namun maklum balas oleh penguat kuasa



Jabatan ini akan memberi sokongan penuh terhadap siasatan yang dijalankan."

Jabatan Perikanan bahawa mereka kekurangan peralatan, bot dan kapal," katanya.

Terdahulu, Jamal menyerahkan memorandum tersebut kepada Pegawai Khas Ketua Pengarah Perikanan, Mohd Azhar Mohd Zin.

Ditanya mengenai tangkapan yang dibuat oleh Jabatan Perikanan, beliau menyifatkan ianya sebagai 'wayang'.

"Kalau dia cakap ada tangkapan, kenapa tiada pendakwaan dibuat," katanya.

Sementara itu, Jabatan Perikanan Malaysia mengalu-alukan sebarang laporan berkaitan salah laku kakitangannya yang menyalahi undang-undang atau tidak mempunyai integriti.

Jabatan Perikanan Malaysia dalam satu kenyataan pada Selasa memaklumkan, sebarang bukti boleh diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau polis untuk tindakan lanjut.

"Jabatan ini akan memberi sokongan penuh terhadap siasatan yang dijalankan," kata kenyataan tersebut.

Kenyataan turut menyebut bahawa aktiviti pengambilan benih kerang di kawasan tapak benih semula jadi oleh penternak, nelayan termasuk penggunaan bot berenjin rotor adalah tidak dibenarkan.

"Jabatan akan sentiasa melakukan rondaan serta pemantauan di laut dan darat bagi mengekang kes kecurian benih kerang," katanya.

Menurut kenyataan itu juga, tindakan penguatkuasaan bersama agensi lain akan diteruskan sama ada di laut atau di darat.

"Jabatan menyambut baik cadangan-cadangan yang disampaikan," katanya.